

Pengaruh Personaliti Guru Pendidikan Islam Terhadap Pembentukan Peribadi Murid

Asnuurien Najma Ahmad
Azlin Nurhaini Mansor
Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM)

Abstrak

Dalam proses pengajaran dan pembelajaran, guru Pendidikan Islam dilihat dalam masyarakat sebagai contoh terbaik atau *role model* yang berpotensi untuk mengubah sikap dan sahsiah murid. Ini kerana pengaruh guru terhadap murid-muridnya sama juga dengan pengaruh ibu bapa terhadap anak-anak mereka. Sehubungan itu, tujuan laporan ini ialah untuk melaporkan apakah ciri-ciri personaliti yang dimaksudkan dan bagaimanakah kesan personaliti tersebut dapat membentuk peribadi pelajar. Secara keseluruhan, didapati bahawa guru Pendidikan Islam perlu mempunyai ciri personaliti yang mudah didekati, mesra pelajar, tekun dalam melaksanakan tugas, bersedia dalam mengajar dan tidak pilih kasih terhadap pelajar. Dapatan ini memberikan implikasi kepada guru Pendidikan Islam supaya mereka menghayati peranan mereka yang sebenar sewaktu mendidik pelajar dan perlu mempunyai personaliti yang baik agar dapat mempengaruhi pembentukan peribadi pelajar.

Kata kunci: pengaruh, personaliti, guru Pendidikan Islam, peribadi.

Pengenalan

Pendidik muslim sebenarnya mampu untuk melahirkan pelajar yang berilmu dan berkelulusan baik. Walau bagaimanapun, menurut Abd Razak dan Ngah, (2002) pelajar yang dilahirkan masih lagi tidak mahir dalam pengurusan hidup dan kurang berakhlak. Seorang guru Pendidikan Islam dilihat bukan sahaja menyampaikan ilmu dan menjawat pekerjaan, tetapi tugasnya adalah mendidik, membimbing dan memimpin pelajar untuk menjadi seorang muslim yang syumul serta mampu menghadapi cabaran dalam arus kemodenan dan globalisasi. (Nordin, 2002). Hal ini jelas menunjukkan bahawa guru Pendidikan Islam adalah pemimpin kepada muridnya dan elemen-elemen yang baik dari seseorang guru itu akan dicontohi oleh muridnya.

Para guru merupakan agen moral dan *role model* kepada murid-muridnya perlu mempamerkan akhlak yang mulia kepada muridnya. (Suhid, 2007). Walau bagaimanapun, Othman, 2006 menyatakan bahawa masalah akhlak murid yang berlaku pada hari ini mempunyai hubungan langsung dengan personaliti guru yang dipamerkan di mana guru membawa perubahan ke arah satu tingkah laku yang baik. Kajian mengenai penampilan dan personaliti guru Pendidikan Islam oleh Tamuri, Yusop, Othman, Awaluddin, Abdul Halim dan Abd Razak (2004), menjelaskan bahawa ramai guru termasuk guru Pendidikan Islam masih tidak mampu menjadikan dirinya sebagai *role model* terbaik kepada pelajarannya. Tamuri (2004), menjelaskan bahawa krisis akhlak pelajar pada hari ini ada kaitannya dengan personaliti guru kerana membawa pengaruh terhadap pembentukan peribadi pelajar.

Matlamat Pendidikan Islam Terhadap Pendidikan Akhlak

Hala tuju dan matlamat dalam Pendidikan Islam adalah untuk membentuk personaliti muslim yang mencakupi aspek rohani, jasmani, intelek dan juga emosi. Dalam membina erti kehidupan serta membentuk peribadi anak-anak, ibu bapa adalah golongan terpenting dalam memberi pendidikan dan pembentukan akhlak anak-anaknya. Proses pendidikan secara berterusan ini telah digambarkan secara jelas melalui Falsafah Pendidikan Islam (FPI) :

Pendidikan Islam adalah satu usaha yang berterusan untuk menyampaikan ilmu, kemahiran, dan penghayatan berdasarkan al-Quran dan as-Sunnah, bagi membentuk sikap, kemahiran, keperibadian dan pandangan hidup sebagai hamba Allah yang mempunyai tanggungjawab untuk membangunkan diri, masyarakat, alam sekitar, negara ke arah mencapai kebaikan di dunia dan akhirat.

Matlamat FPI ini jelas untuk melahirkan individu yang soleh iaitu beriman, berilmu, beramal dan berakhlak mulia. Oleh yang demikian, Pendidikan Islam haruslah diajar untuk menunjukkan kesyukuran Islam sebagai satu cara hidup yang sempurna dan lengkap. FPI ini secara tidak langsung selaras dengan matlamat Falsafah Pendidikan Kebangsaan (FPK) yang menyebutkan :

Pendidikan di Malaysia adalah satu usaha ke arah lebih memperkembangkan potensi individu secara menyeluruh dan bersepadu untuk mewujudkan insan yang seimbang dan harmonis dari segi intelek, rohani, emosi dan jasmani berdasarkan kepercayaan dan kepatuhan kepada Tuhan. Usaha ini adalah bertujuan untuk melahirkan rakyat Malaysia yang berilmu pengetahuan, berketerampilan, berakhlak mulia, bertanggungjawab dan berkeupayaan mencapai kesejahteraan diri serta memberikan sumbangan terhadap keharmonian dan kemakmuran keluarga, masyarakat dan negara.

Maksud individu yang 'memiliki sahsiah seimbang dan sepadu' dalam Falsafah Pendidikan Kebangsaan tersebut antaranya adalah untuk membentuk akhlak yang mulia, menyedari dan menginsafi adanya Pencipta, menyedari dan menginsafi tanggungjawab, menghargai dan mensyukuri pemberian Pencipta, memupuk dan membina disiplin diri serta membentuk akhlak mulia. (Kementerian Pendidikan Malaysia, 1990). Seterusnya, untuk merealisasikan matlamat FPI dan FPK, maka Falsafah Pendidikan Guru (FPG) telah dibentuk di mana antara kandungannya :

Guru yang berpekeriti mulia, berpandangan progresif dan saintifik, bersedia menjunjung aspirasi negara serta menyanjung warisan kebudayaan negara, menjamin perkembangan individu dan memelihara satu masyarakat yang bersatu padu, demokratik, progresif dan berdisiplin. (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2001)

Oleh yang demikian, jelaslah bahawa FPI dan FPK mempunyai matlamat untuk membentuk pelajar dengan akhlak mulia sesuai dengan tuntutan Firman Allah SWT yang bermaksud :

"Dan sesungguhnya, kamu (Muhammad SAW) benar-benar memiliki akhlak yang agung". (Al-Qur'an 68 :4)

Ini menunjukkan bahawa proses pembentukan akhlak generasi muda hari ini dan generasi masa hadapan terpicul atas bahu para pendidik khususnya guru-guru Pendidikan Islam. Walau bagaimanapun, isu-isu mengenai salah laku murid, pelajar dan juga mahasiswa sering kali menjadi buah mulut masyarakat hari ini dan akan menjejaskan sistem pendidikan negara dan akan mempengaruhi tugas seorang pendidik itu sendiri dalam aspek pembinaan sahsiah pelajarannya. Masalah disiplin dan akhlak yang menjadi buah mulut masyarakat umum dan dalam masa yang sama guru sering dipersalahkan kerana berlakunya kemerosotan disiplin dan akhlak pelajar yang semakin membimbangkan.

Nordin (2001, 2002) menyatakan personaliti guru yang baik berperanan dalam melaksanakan sistem Pendidikan Islam dan seterusnya mampu membentuk dan menghasilkan pelajar yang berilmu dan insan yang baik seterusnya beriman dan bertaqwa kepada Allah SWT. Masalah keruntuhan akhlak dalam kalangan pelajar hari ini sememangnya amat membimbangkan pelbagai pihak dan amat sukar dibendung. Masalah ini berpunca dari pelbagai faktor antaranya adalah gagalnya pengamalan pengajaran Pendidikan Islam di sekolah untuk membentuk akhlak pelajar. Pendidikan Islam adalah

memberi keutamaan dalam mendidik dan membentuk perangai, tabiat, tingkah laku atau adab sopan seseorang individu seiring dengan Falsafah Pendidikan Islam. Dalam hal ini, menjelaskan bahawa pembangunan insan yang ditekankan dalam Falsafah Pendidikan Islam bukan hanya tertumpu kepada pembinaan akal semata-mata tetapi turut merangkumi pembinaan roh, jasad dan akal. Secara khususnya, mata pelajaran Pendidikan Islam yang ditawarkan di peringkat sekolah rendah dan menengah adalah bertujuan untuk melahirkan individu muslim yang berilmu, berketerampilan, beramal soleh, beradab dan berakhlak mulia berdasarkan al-Quran dan as-Sunnah sebagai hamba dan khalifah Allah yang bertaqwa dan dapat menyumbang kepada ketamadunan bangsa dan negara (Kementerian Pelajaran Malaysia, 2002).

Walau bagaimanapun, berita yang disiarkan di akhbar Harian Metro pada 12 Februari 2007 mengenai 70 orang remaja muslim yang berusia antara 16 hingga 20 tahun telah ditahan polis kerana dipercayai terbabit dengan kegiatan lumba haram melihatkan kepada peranan Pendidikan Islam dan juga sejauh manakah guru Pendidikan Islam mampu mendidik dan membimbing akhlak pelajar pada hari ini. Selain itu, rekod aduan pelanggan yang dibuat di Pejabat Pelajaran Daerah Kota Star mengenai salah seorang murid yang ditahan polis di luar sekolah kerana terlibat dalam pecah rumah menggambarkan bahawa tahap penghayatan akhlak dan hubungan sosial Islam dalam kalangan pelajar sangat membimbangkan lalu guru menjadi mangsa tuduhan jari dan dipersalahkan (Ahmad, 2007). Melihat kepada kes-kes yang dilaporkan ini, sememangnya akhlak pelajar hari ini berada pada tahap yang amat merungsingkan banyak pihak terutamanya kepada golongan guru di mana guru sering dipersalahkan apabila masalah akhlak pelajar menjadi satu-satu topik perbualan dan perbincangan (Othman, 2006)

Nordin (2007), peranan dan kewibawaan guru sering menjadi persoalan dalam membentuk pelajar yang berilmu dan bertaqwa kepada Allah SWT yang mana dibuktikan bahawa perwatakan guru yang baik mampu membentuk dan menghasilkan insan generasi pelajar yang berilmu, sejahtera dan bersahsiah mulia. Oleh yang demikian, keberkesanan Pendidikan Islam dan peranan guru Pendidikan Islam sering dikaitkan dengan sahsiah iaitu keruntuhan akhlak, gejala sosial dan toleransi berlebihan terhadap maksiat. Hashim (2005), punca-punca gejala sosial yang berlaku pada hari ini adalah disebabkan kurangnya penghayatan agama, sikap ibu bapa dan tidak kurang penting juga adalah kegagalan pendidik dalam menerapkan nilai-nilai murni dan sifat-sifat mahmudah dalam kehidupan pelajar.

Abu Bakar (2007) menjelaskan masih terdapat segelintir guru Pendidikan Islam yang mempunyai personaliti yang kurang memuaskan seperti mengeluarkan kata-kata yang tidak berfaedah dan merokok di kawasan yang terbuka. Tamuri (2000, 2004) menyatakan krisis akhlak pelajar yang berlaku dewasa ini mempunyai hubungan dengan personaliti guru yang dipamerkan kerana personaliti yang ditunjukkan mampu mempengaruhi pembentukan peribadi pelajar. Ini membuktikan bahawa guru khususnya guru Pendidikan Islam perlu sentiasa bertanggungjawab dalam membentuk generasi berakhlak mulia kerana ia merupakan satu amanah yang perlu dilaksanakan oleh para pendidik khususnya guru Pendidikan Islam.

Peranan Guru Pendidikan Islam

Pada awal kedatangan Islam ke Asia Tenggara, guru telah memainkan peranan penting dalam mendidik, memberi ilmu dan tunjuk ajar kepada pelajar-pelajarnya. Masyarakat kita pada hari ini menaruh harapan yang tinggi kepada para guru yang mendidik anak-anak mereka di sekolah dan ini membuktikan bahawa peranan para guru sememangnya amat bermakna dan amat besar dalam merealisasikan Pendidikan Islam bermakna peranan guru sememangnya amat besar dan begitu kritikal dalam merealisasikan Pendidikan Islam kerana pada bahu mereka akan menentukan kejayaan dan kegagalan pelaksanaan FPK itu sendiri (Mohd Nordin, 2003). Tamuri dan Ajuhary (2010), menjelaskan bahawa tugas pendidik dalam pandangan Islam adalah mendidik iaitu mengembangkan seluruh potensi diri murid sama ada potensi psikomotor, kognitif dan efektif dan ini menunjukkan bahawa tugas guru khususnya guru Pendidikan Islam sangat mencabar kerana tugas ini seolah-olah diletakkan sepenuhnya pada bahu mereka.

Guru dalam sistem Pendidikan Islam mestilah memenuhi segala tuntutan sebagai *role model* atau *qudwah hasanah* kepada masyarakat, sebagai agen perubahan dalam masyarakat melalui sistem pendidikan sedia ada sama ada secara formal mahupun tidak formal. Mohd Hashim (2003), menyatakan bahawa tanggungjawab guru yang terbesar adalah menyuburkan akhlak dan jiwa anak-anak di bawah didikannya. Mohd Salleh (1995) dan Mohd Hashim (2003), menyatakan guru perlu membuktikan bahawa dia mampu menampilkan personaliti yang baik dan menjadikan dirinya sebagai *role model*. Ciri-ciri seorang guru yang dijadikan sebagai *role model* adalah seperti berakhlak mulia, berpenampilan baik, berilmu, mempunyai tingkah laku yang baik, menjaga kebersihan dan pakaian, bertutur kata sopan, menghindari kata-kata keji dan hina, menzahirkan kata-kata yang mesra, ikhlas, sabar dan saling menghormati antara satu sama lain.

Mohd Nordin (2003) dan Hussin (2001), mengatakan bahawa seorang guru membawa pengaruh yang sangat besar terhadap pembentukan murid-murid sekolah rendah dan penampilan guru menjadi satu perkara penting dalam membentuk akhlak pelajar-pelajarnya. Hussin (2001) menjelaskan antara pandangan pelajar terhadap personaliti guru-guru mereka ialah; guru hendaklah menjadi contoh terbaik pelajarnya, guru hendaklah memiliki sahsiah diri yang sempurna, guru tidak patut menampilkan keaiban dirinya dan pelajar menjadikan guru agama di sekolah sebagai contoh, *idola* atau *role model* mereka. Seterusnya Dalip (1993) menegaskan pengaruh guru terhadap murid-muridnya sebenarnya sama besar dengan pengaruh ibu bapa terhadap anak-anak mereka dan mereka akan membimbing anak-anak ke arah kebenaran di samping mengembangkan ilmu pengetahuan.

Sebagai seorang guru Pendidikan Islam, mereka perlu mengukuhkan lagi peranan mereka dalam merealisasikan matlamat FPG dan selaras dengan hasrat ini, kategori peranan guru Pendidikan Islam terbahagi kepada lima kategori. Tamuri et.al (2004), Mohd Salleh (1997), Bahagian Pendidikan Guru (2001), al-Shaybani (1979) dan Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) (2001) mengkategorikan guru Pendidikan Islam sebagai *mu'allim* dan *murabbi*. Sementara guru dikategorikan sebagai *murabbi* dan *mu'addib* Tamuri et.al (2004), Mohd Salleh (1997) Kementerian Pendidikan Malaysia (2001), sebagai *mursyid* Tamuri (2004) dan KPM (2001) dan guru sebagai *da'i* atau pendakwah (Wan Dagang, 1991). Dalam sistem pendidikan sedia ada hari ini, para guru perlulah memperkemarkan lagi peranan dan tugas mereka memberi dan menyampaikan ilmu kepada para muridnya kerana ilmu secara tidak langsung akan menjadi perisai diri dan meningkatkan akhlak mereka (Siraj, 2001). Oleh itu, selain membentuk akhlak pelajar seorang guru berperanan sebagai *mu'allim* dan *murabbi*.

Dapatan

El-Muhammady, (1991 dalam Mohd Salleh, 1997) menjelaskan guru adalah agen yang berkesan dalam sesuatu sistem pendidikan dan jika watak atau personaliti dan juga keperibadian seorang guru itu rosak, maka akan melahirkan masyarakat dan generasi yang pincang akhlaknya. Tamuri (2000), melalui dapatan temubual kepada pelajar membuktikan masih terdapat aspek-aspek negatif yang wujud dalam perwatakan segelintir guru Pendidikan Islam antaranya sifat yang terlalu garang, suka memarahi pelajar tanpa usul periksa, gemar menghina atau mengutuk pelajar, tidak akan memberikan jawapan apabila persoalan diberikan kepada guru, dan ego terhadap diri sendiri. Bahagian Pendidikan Islam (BPI) 1993, menyatakan bahawa terdapat guru Pendidikan Islam yang tidak mempraktikkan secara syumul sifat keperibadian interpersonal dan intrapersonal yang positif seperti dalam ajaran Islam. Marzuki (2002), membuktikan bahawa sifat interpersonal guru-guru Pendidikan Islam masih lagi berada pada tahap sederhana sahaja berdasarkan hasil kajiannya.

Guru Pendidikan Islam didapati bukan sahaja lemah dalam aspek penguasaan ilmu bahkan masih kekurangan ilmu dalam pengkaedahan pengajaran dan pembelajaran termasuk penggunaan Teknologi Maklumat dan Komunikasi (TMK) dalam pendidikan, perwatakan atau personaliti dan persekitaran guru (Tamuri et.al, 2004, Abdul Ghani et.al, 2003, Ab Rahman dan Abd Rahman, 2003). Tamuri, (2004) membuktikan masih terdapat sebahagian guru Pendidikan Islam yang tidak mampu menjadi contoh teladan kepada pelajarnya bahkan pelajar tidak menganggap guru Pendidikan Islam sebagai contoh ikutan atau *role model* dalam kehidupan mereka. Disokong dengan kenyataan Yahya (2005),

menyatakan personaliti atau perwatakan guru Pendidikan merupakan salah satu penyebab kepada kelakuan atau pembentukan peribadi dalam diri pelajar.

Ciri-ciri Personaliti Guru Pendidikan Islam

Berpenampilan dan berakhlak mulia

Ngah (2005) menjelaskan bahawa ciri-ciri personaliti pensyarah yang boleh mempengaruhi pelajar adalah berakhlak baik dengan peratusan sebanyak 56.67%. Seorang pensyarah mestilah mempunyai ciri-ciri personaliti yang baik kerana dapat membantu pelajar dalam meningkatkan pembelajaran dan membentuk peribadi mereka. Jasmi, Tamuri dan Mohd Hamzah (2009) daripada dapatannya menunjukkan bahawa guru Pendidikan Islam perlu mempunyai penampilan dan akhlak baik dalam dirinya seperti tidak memperkecilkan kebolehan murid, penyayang, mesra dengan pelajar dan tidak berbohong. Ini menunjukkan bahawa penampilan baik dan akhlak yang baik sangat penting dimiliki oleh seorang guru Pendidikan Islam. Hussin (2001) dan Tamuri et.al (2004) turut menjelaskan ciri-ciri berakhlak mulia dan berpenampilan baik perlu ada dalam diri seorang guru Pendidikan Islam dan tidak boleh menunjukkan keaiban diri yang ketara kepada pelajarannya kerana mereka adalah contoh terbaik kepada pelajarannya.

Bertutur kata sopan dan penyayang

Menurut Ishak (1995), seorang guru Pendidikan Islam dikatakan mempunyai ciri-ciri personaliti yang baik apabila menunjukkan sifat yang ikhlas, bersabar dan bertutur kata dengan sopan dalam tingkah lakunya. Sifat kasih sayang juga perlu ditunjukkan dalam diri seorang guru kerana perkara ini dapat membentuk peribadi para pelajar dengan mudah. Sifat kasih sayang yang dimaksudkan adalah mudah mesra dan didekati pelajarannya dan saling menghormati antara satu sama lain. Jasmi (2009) menjelaskan bahawa sifat mudah mesra dan akrab dengan pelajar juga adalah ciri personaliti guru Pendidikan Islam yang dapat membawa kepada pembentukan peribadi pelajar itu. Guru yang menyampaikan pengajaran mereka dengan penuh kasih sayang serta memberi tunjuk ajar dengan penuh hikmah akan mudah memberikan kesan terhadap pembentukan peribadi mereka (Tamuri et.al, 2004). Alavi, M.Sail, Abdul Mutalib, Ahmad, Trajo dan Abdul Razak (2012) menjelaskan bahawa guru perlulah mempunyai kemahiran komunikasi yang baik.

Berdedikasi dan Kesungguhan dalam tugas

Ashraf dan Husain (1989) menegaskan bahawa seorang guru Pendidikan Islam perlu memiliki sifat berdedikasi terhadap tugasnya dan bersedia menerima tahap kemoralan yang dipandang tinggi oleh masyarakat dan juga seorang yang bertaqwa juga berbudi bahasa. Jasmi (2009) daripada dapatannya menyatakan bahawa seorang guru Pendidikan Islam mempunyai ciri-ciri rajin bekerja dan bersungguh-sungguh dalam mengajar.

Hubungan Antara Personaliti Guru dengan Pembentukan Peribadi Pelajar

Kajian-kajian lepas menunjukkan ramai pendidik termasuklah guru Pendidikan Islam tidak mampu untuk menjadikan dirinya sebagai *role model* malahan ada juga yang tidak dapat menerapkan nilai-nilai murni dalam diri pelajarannya semasa proses pengajaran dan pembelajaran dijalankan (Tamuri, Yusop, Othman, Awaluddin, Abdul Rahim dan Ab.Razak, 2004). Menurut Duki (2004), Naimuddin (2003), Aiyob (2005) turut menyatakan bahawa guru Pendidikan Islam tidak mampu untuk membentuk diri mereka selaku pembimbing dan *role model* kepada pelajarannya.

Kajian Dalip(1993) menjelaskan bahawa terdapat hubungan signifikan antara personaliti guru dengan perkembangan personaliti murid-murid darjah enam di sekolah-sekolah rendah iaitu pada aspek kepuasan dalam pengajaran mempunyai pertalian yang bermakna dengan personaliti murid seperti kepercayaan diri, harga diri dan kebebasan diri. Abu Bakar (2003) menjelaskan adanya hubungan

yang signifikan antara personaliti guru dengan pembentukan sikap pelajar antaranya pada dapatan yang menunjukkan 55% pelajar tidak menyukai sikap guru Pendidikan Islam yang tidak memberi peluang kepada mereka untuk berfikir. Ini menunjukkan personaliti guru Pendidikan Islam mempunyai hubungan dengan pembentukan peribadi pelajar.

Duki (2004) membuktikan bahawa personaliti guru Pendidikan Islam mempunyai hubungan signifikan dengan pembentukan peribadi pelajar iaitu dilihat pada aspek kehadiran guru ke majlis-majlis keagamaan secara tidak langsung menjadikan diri pelajar tertarik untuk melaksanakan amalan agama dengan baik dalam hidup mereka. Turut disokong dengan Mohd Salim (2005) personaliti guru Pendidikan Islam mempunyai hubungan signifikan dengan sikap pelajar terhadap mata pelajaran Pendidikan Islam di mana dapat membentuk sahsiah dan personaliti pelajar. Hal ini jelas membuktikan bahawa personaliti guru Pendidikan Islam mempengaruhi pembentukan akhlak dan peribadi pelajar sama ada dari aspek pergaulan mereka, motivasi belajar mereka dan penghayatan agama mereka.

Guru Pendidikan Islam Sebagai *Mursyid*, *Murabbi* dan *Muaddib*

Guru sebagai pemberi tunjuk atau seseorang yang memberi petunjuk kepada pelajar. Muhammad (2003) menyatakan ciri-ciri *mursyid* mengubungkan dengan sebuah hadis Nabi Muhammad SAW yang menyarankan agar mendidik anak solat seawal usia tujuh tahun. Peranan guru Pendidikan Islam sebagai *murabbi* melibatkan proses mendidik, memelihara dan membentuk pelajar sehingga wujud perasaan kasih sayang dan saling mempercayai antara mereka. Menurut Mazhahiri (1993), Amini (1997) dan 'Ulwan (1989), sebagai *mu'addib*, guru wajib memiliki sejumlah sifat-sifat terpuji; dan sifat terpuji yang paling utama adalah zuhud dalam proses mendidik pelajarannya. Guru Pendidikan Islam juga perlu menjadikan diri mereka sebagai sumber teladan utama kepada para pelajar kerana selain *mu'allim*, *murabbi* dan *mursyid* mereka adalah individu yang sangat berpengaruh dalam pembentukan akhlak pelajarannya (Dalip, 1993).

Kesimpulan

Tugas mendidik, membimbing dan membentuk akhlak pelajar sebenarnya amat berat dan satu amanah yang perlu digalas di bahu para guru khususnya guru Pendidikan Islam. Guru dalam hal ini perlulah mempunyai personaliti diri yang baik kerana dirinya akan menjadi contoh teladan serta *role model* kepada murid-muridnya seterusnya menjadi panduan dalam masyarakatnya sama ada dari aspek perlakuan atau perkataan yang dipamerkan. Oleh yang demikian, bagi merealisasikan pembentukan generasi berakhlak mulia ini, para guru Pendidikan Islam khususnya wajar berperanan sebagai *Mursyid*, *Murabbi* dan *Muaddib* agar individu yang seimbang dan berperibadi mulia dapat dilahirkan dalam sistem pendidikan negara kita hari ini. Ini selaras dengan peranan guru sebagai pendidik dan pembimbing akhlak, emosi, fizikal dan sosial pelajar pada hari ini. Sehubungan itu, guru-guru khususnya guru Pendidikan Islam perlu menghayati peranan mereka yang sebenar dan mempunyai personaliti yang baik untuk mendidik pelajar supaya para pelajar ini menjadi generasi yang berakhlak mulia.

Rujukan

- Alavi, K., M.Sail, R., Abdul Mutalib, L., Ahmad, A., Trajo, S.S. dan Abdul Razak, E. 2012 Kecerdasan sosial dan emosi guru cemerlang Pendidikan Islam dalam meningkatkan prestasi pelajar. *Journal of Social Sciences and Humanities*. 7(1): 94-104.
- A.Rahman, K.A. 2012. Disposisi guru berkesan: personaliti dan kemahiran komunikasi. *Akademika* 82(2): 37-44.
- Abu Bakar, A. 2003. *Sikap pelajar terhadap mata pelajaran Pendidikan Islam: satu kajian di sekolah-sekolah Alor Gajah Melaka*. Kertas Projek Sarjana Pendidikan, Fakulti Pendidikan. Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi.

- Arbaa, R., Jamil, H. dan Abd Razak, N. 2010. Hubungan guru-pelajar dan kaitannya dengan komitmen belajar pelajar: adakah guru berkualiti menghasilkan perbezaan pembelajaran antara jantina pelajar? *Jurnal Pendidikan Malaysia*. 35(2) : 61-69.
- Dalip, A.R. 1993. Teknik pengajaran dan pembelajaran pengetahuan Agama Islam di sekolah menengah. Dalam Ismail Abd. Rahman (Ed), *Pendidikan Islam Malaysia*. Bangi, Selangor: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Duki, M. 2004. Penilaian pelajar terhadap kepimpinan guru Pendidikan Islam: satu kajian di daerah Kuala Selangor. Kertas Projek Sarjana Pendidikan. Fakulti Pendidikan. Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi.
- Fien, T.L. 2006. Persepsi pelajar terhadap personaliti guru satu tinjauan di sekolah menengah teknik daerah Kuantan, Pahang. Tesis Ijazah Sarjana Muda Pendidikan. Fakulti Pendidikan. Universiti Teknologi Malaysia, Skudai.
- Hussin, Z. 2005. Mendidik generasi berakhlak mulia: fokus peranan guru Pendidikan Islam. *Masalah Pendidikan*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- Jasmi, K.A. 2009. Guru cemerlang Pendidikan Islam sekolah menengah di Malaysia: satu kajian kes. Tesis Sarjana Pendidikan. Fakulti Pendidikan. Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi.
- Jasmi, K.A, Tamuri, A.H dan Mohd Hamzah, M.I. 2009. Sifat dan peranan keperibadian guru cemerlang Pendidikan Islam (GCPI) dan hubungannya dengan motivasi pelajar. *Jurnal Teknologi*. 51(E). 57-71.
- Mohd Salleh, A. 1997. *Pendidikan Islam: falsafah, pedagogi dan metodologi*. Shah Alam: Penerbit Fajar Bakti Sdn. Bhd.
- Mohd Salleh, A. 2004. *Pendidikan Islam, falsafah, sejarah dan kaedah pengajaran dan pembelajaran*. Shah Alam: Penerbit Fajar Bakti Sdn. Bhd.
- Mohd Salim, C.Z. 2005. Persepsi murid terhadap personaliti guru Pendidikan Islam di daerah Rembau, Negeri Sembilan. Projek Penyelidikan Sarjana Pendidikan. Fakulti Pendidikan. Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi.
- Mohd Zin, A.A. 1995. Masalah mata pelajaran Pendidikan Islam di sekolah-sekolah menengah kerajaan di Kuala Lumpur. *Jurnal Pendidikan Islam* 7 (2) : 165-176.
- Ngah, M. 2005. Persepsi pelajar-pelajar KPLI Maktab Perguruan Kuala Terengganu terhadap personaliti pensyarah maktab. Kajian penyelidikan Maktab Perguruan Kuala Terengganu, Terengganu.
- Najmuddin, M.N. 2003. Hubungan antara amalan agama dengan pencapaian akademik di kalangan pelajar Melayu. Kertas Projek Sarjana Pendidikan. Fakulti Pendidikan. Universiti Malaya.
- Nordin, T.A., Dan, N. 2001. Pendidikan dan pembangunan manusia pendekatan bersepadu. Bandar Baru Bangi: As-Syabab Media.
- Othman, M.I. 2006. *Menangani disiplin di sekolah*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn.Bhd.
- Suhid, A. 2003. Kesesuaian subbidang pembelajaran adab dan akhlak Islam KBSM menurut persepsi guru. *Prosiding wacana Pendidikan Islam siri 3*. 94-105.

- Suhid, A. 2007. Pengajaran adab dan akhlak Islam dalam membangunkan modal insan. <http://pkukweb.ukm.my/jmalim/images/vol.08.2007/artikelke19-asmawati169-178.pdf>.
- Suparman, J. 2007. Penilaian pelajar terhadap personaliti guru Pendidikan Islam dalam pembentukan peribadi pelajar di sekolah-sekolah menengah daerah Port Dickson. Projek Penyelidikan Sarjana Pendidikan. Fakulti Pendidikan. Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi.
- Syed Hassan, S.N., Tamuri, A.H., Othaman, I. dan Mamat, M.S. 2009. Kajian persepsi pelajar terhadap tahap profesionalisme guru Pendidikan Islam MRSM. *Journal of Islamic and Arabic Education* 1(2): 31-50.
- Tamuri, A.H, Ajuhary, M.K.A. 2010. Amalan pengajaran guru Pendidikan Islam berkesan berteraskan konsep mu'allim. *Journal of Islamic and Arabic Education* 2 (1) : 43-56.
- Tamuri, A.H., Mohd Hamzah, M.I., Duki, M. 2007. Penilaian pelajar sekolah menengah terhadap amalan kepimpinan guru Pendidikan Islam. *Jurnal Pengurusan dan Kepimpinan Pendidikan*. 35-50.
- Tamuri, A.H, Yusop, A., Othman, K., Awaluddin, S., Abdul Halim, Z dan Abd Razak, K. 2004. Laporan penyelidikan keberkesanan kaedah pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Islam ke atas pembangunan diri pelajar. Fakulti Pendidikan: Bangi.
- Yahya, A.S. 2005. *Mengurus disiplin pelajar*. Bentong: PTS Profesional Publishing Sdn Bhd.
- Yussof, A. 2000. Pendidikan Syariah Islamiah: satu kajian tentang permasalahan dalam pengajaran di sekolah agama dan harian (Kementerian Pendidikan) dan sekolah agama menengah kerajaan negeri di Selangor. Kertas Projek Sarjana Pendidikan. Fakulti Pendidikan. Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi.